

06/08/2002

Anderson bantu SSM mara ke separuh akhir

V Ashok

HANYA maruah menjadi pertaruhan bagi Anderson dalam perlawanan terakhir mereka apabila mengatasi Majlis Sukan Sekolah Terengganu (MSST) 3-1 dalam saingan Kumpulan B, Liga Hoki Remaja Malaysia (LHRM 2002), semalam.

Keputusan ini tidak mengubah nasib mana-mana pasukan ini di Stadium Tun Razak, sebaliknya menceriaikan Sekolah Sukan Malaysia (SSM) yang layak ke separuh akhir selaku naib juara kumpulan.

Kebetulan, pemain SSM dan jurulatih yang hadir bagi sesi latihan di gelanggang sama beberapa jam sebelum perlawanan liga itu, melonjak riang sebaik semboyan dibunyikan - mengerti tiket mereka sudah terjamin.

Sehingga itu kedudukan mereka belum terjamin lagi kerana andai MSST menang dengan kelebihan lima gol, semalam mereka akan tersingkir.

Kini, pasukan dari Bukit Jalil itu akan berentap dengan juara Kumpulan A dan pasukan pilihan, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam perlawanan separuh akhir pertama, esok.

Dalam satu lagi perlawanan, juara Kumpulan B, Telekom Pahang menentang naib juara Kumpulan A, Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) di tempat lawan.

Semalam, jaringan hatrik daripada Fazreen Eksan Kulub Wahab pada minit ke-11,35 dan 57 mengesahkan mata penuh bagi kelab dari Ipoh itu manakala jaringan tunggal MSST oleh Mahathir Fitri Mokhtar, minit ke-27.

Apapun, Anderson lega dapat menduduki tempat ketiga kumpulan bagi merebut empat kelima hingga kelapan dalam perlawanan klasifikasi.

ANDERSON.....3 MSST.....1